

BAB TIGA:
KETAMADUNAN ISLAM SEBAGAI ASAS
KAJIAN

BAB TIGA

KETAMADUNAN ISLAM SEBAGAI ASAS KAJIAN

Disebabkan pentingnya hubungan antara agama dan tamadun, Ali Shariati telah memberi penekanan khusus terhadap pemahaman Islam dalam pembinaan tamadun.

3.1 Pendekatan Ali Shariati dalam memahami Islam

Shariati menerangkan beberapa cara yang boleh digunakan oleh seseorang untuk mengetahui Islam kerana baginya, mempunyai metod yang betul untuk menemui kebenaran adalah isu yang sangat penting. Beliau telah menegaskan faktor penting yang menyebabkan kebekuan pemikiran, tamadun dan kebudayaan Eropah ialah penggunaan metod analogi Aristotle.

Tidak diragukan bahawa Aristotle lebih genius daripada Francis Bacon dan Plato lebih genius daripada Roger Bacon. Tetapi beliau mempersoalkan bagaimana seseorang yang lebih rendah tahap geniusnya daripada lelaki seperti Aristotle memulakan perkembangan sains sedangkan genius hebat seperti Aristotle telah menyebabkan kebekuan sehingga ribuan tahun dalam Zaman Gelap. Sebabnya ialah jenis kedua ini telah menemui jalan yang betul dalam pemikiran dan metodologi. Dalam jalan ini, individu biasa juga boleh menemui kebenaran, tetapi genius hebat yang tidak mengetahui

jalan yang betul untuk menghadapi masalah serta metod pemikiran yang betul, tidak akan dapat menggunakan genius dengan efektif.¹

Menurutnya lagi, berfikir dengan betul sama seperti berjalan dengan betul. Orang yang berjalan dengan perlahan tetapi memilih lorong yang betul akan sampai ke destinasi tetapi juara olahraga lari sekalipun jika tersalah lorong, tidak akan sampai ke destinasi. Perkara yang ditekankan ialah memilih metod yang betul untuk pelbagai ilmu sama ada pendekatan sastera, masyarakat, seni atau psikologi. Oleh itu, tanggungjawab penyelidik ialah memilih metod atau pendekatan yang terbaik pada permulaan kajiannya. Kita perlu menggunakan faedah dari pengalaman yang merupakan sebahagian daripada sejarah Islam kita. Kita perlu mengenali diri kita untuk menjadi pengikut yang bertanggung-jawab terhadap agama yang terbaik ini dan mengenali Islam dengan betul dan menggunakan metod yang betul.

Baginya, kepercayaan sahaja tidak mencukupi dan tidak bersifat mulia kerana jika percaya kepada sesuatu yang tidak kita ketahui ianya tidak bernilai. Kita percaya terhadap Islam, oleh itu kita diwajibkan mengenalinya dengan baik. Untuk mengenali dengan baik, kita mesti menggunakan pendekatan yang betul. Sekarang timbul persoalan tentang apakah pendekatan terbaik untuk mengenali Islam. Untuk mengetahui kebenaran Islam kita tidak boleh menggunakan pendekatan Eropah seperti biologi, psikologi ataupun sosiologi. Kita perlu mencetuskan satu pendekatan.²

Untuk mengenali Islam tegas beliau, kita tidak boleh memilih satu pendekatan ekslusif dalam semua perkara kerana Islam tidak bersifat agama satu-dimensi. Islam bukan satu agama yang terhad kepada hubungan antara Tuhan dan manusia kerana ini hanya satu dimensi sahaja daripada Islam yang syumul. Untuk mengetahui dimensi ini, kita perlu menggunakan metod falsafah kerana kerana hubungan manusia dengan Tuhan adalah sebahagian daripada bidang pemikiran. Dimensi yang lain ialah yang berkaitan dengan cara hidup seseorang di bumi ini. Untuk kebenaran dimensi ini, kita perlu menggunakan metod sosiologi dan sejarah hari ini. Oleh itu, jika melihat Islam dari satu pandangan, kita hanya nampak satu dimensi dari pelbagai bahagian sebentuk kristal. Jika kita melihat isu dengan betul, kita akan menyedari bahawa tidak cukup dengan mengetahui ilmu Islam secara umum. Al-Quran sendiri adalah contoh pelbagai dimensi daripada pelbagai sains sepanjang sejarah. Dimensi yang paling penting al-Quran dan paling kurang diketahui ialah aspek kemanusiaan yang terdiri daripada dimensi masyarakat, sejarah dan psikologi. Satu sebab ia tidak diketahui ialah sosiologi, psikologi dan sains kemanusiaan adalah sains baru dan ini berbeza daripada pengajian sejarah.

Peristiwa sejarah yang berkaitan dengan kaum serta takdir sesebuah bangsa dan sebab-sebab kemunduran bangsa yang berbeza telah disebutkan di dalam al-Quran. Sejarawan perlu mengkajinya secara saintifik. Ahli sosiologi perlu melihatnya melalui metod sosiologi. Untuk membincangkan dan memahami masalah sains semulajadi dan fenomena alam, metod semulajadi diperlukan. Oleh kerana bidang Shariati ialah sejarah dan sosiologi, beliau menerangkan dua metod iaitu masyarakat dan kajian sejarah dalam

sains kemanusiaan. Untuk menjelaskan lagi, beliau membuat perumpaan agama kepada seseorang individu.³

Terdapat dua cara untuk mengenali seorang personaliti yang hebat. Kedua-dua metod perlu digabungkan untuk mengenali individu yang hebat tersebut. Cara pertama, seseorang perlu secara saintifik membiasakan diri dengan pemikiran, tulisan, cadangan, ucapan, artikel dan buku personaliti tersebut. Dalam perkataan yang lain, perlu mengetahui minda, pemikiran dan idea seseorang itu untuk mengenali beliau. Cara kedua, iaitu yang menjadi pelengkap dalam mengenali seseorang individu ialah dengan mengkaji kehidupannya, latar-belakang keluarganya, bagaimana ia dibesarkan, bagaimana suasana semasa ia membesar, di mana ia belajar, siapa guru-gurunya, apa peristiwa yang dihadapinya dalam kehidupan, apa kelemahan dan kekurangannya dan lain-lain.⁴

Agama juga serupa dengan seorang individu. Idea dan pemikirannya adalah al-Quran manakala biografi dan penerangan agama merupakan sejarahnya. Oleh itu, untuk mengetahui Islam dengan sempurna adalah dengan melalui dua cara penting. Pertamanya ialah mengkaji al-Quran iaitu himpunan pemikiran, idea, sains Islam. Keduanya ialah mengkaji sejarah Islam yang menerangkan perubahan yang berlaku bermula dari zaman Nabi Muhammad s.a.w. hingga ke hari ini. Inilah metodnya, namun pendekatan dalam mengkaji al-Quran dan sejarah Islam hari ini sangat lemah.

Menurut Shariati, jika orang Iran menukarkan masjid mereka kepada pusat kegiatan masyarakat dan mengikut dua asas penting iaitu al-Quran dan sejarah, kemudiannya mencetuskan program untuk mendidik golongan massa, mereka akan hampir kepada asas penting ke arah perkembangan dan perubahan hebat dalam pemikiran Islam.

Metod lain yang boleh digunakan ialah tipologi. Kebanyakan ahli sosiologi percaya bahawa metod ini merupakan pendekatan yang terbaik untuk menyelesaikan masalah sosiologi khususnya, iaitu dengan membanding-bezakan satu fahaman dengan fahaman yang lain. Untuk mengetahui Islam, Shariati juga menggunakan metod ini iaitu dengan mengetahui lima aspek agama dan kemudianya membandingkannya dengan aspek yang sama dalam agama yang lain. Lima aspek tersebut ialah pertamanya Tuhan atau tuhan-tuhan yang disembah dalam setiap agama. Keduanya, Kitab dalam agama yang merupakan asas perundangan yang dipraktikkan. Ketiganya, nabi atau orang yang mengaku membawa misi agama. Keempatnya, bentuk dan penampilan mereka yang membawa misi agama sama ada manusia biasa, putera raja, ahli sains, ahli falsafah dan lain-lain. Kelimanya, contohnya pengikut yang baik yang dilatih dalam agama tersebut.⁵

3.2 Pendekatan Ali Shariati dalam memahami tamadun dengan kaedah sosiologi Islam

Ramai golongan intelektual pada zaman Ali Shariati membuat kesimpulan bahawa bercakap tentang penderitaan tidak berguna kerana sudah tiba masanya untuk

melakukan sesuatu. Namun, bagi Shariati, sebenarnya mereka belum bercakap tentang penderitaan dan belum membuat analisis saintifik serta bercakap tentang penderitaan psikologi dan sosial dengan betul, sebaliknya hanya mengadu mengenainya.⁶

Beliau tidak mahu mengatakan bahawa pada zamannya bukan masa untuk bertindak kerana semuanya berlaku dalam masa yang sama. Nabi Muhammad s.a.w. juga tidak pernah membahagikan kehidupannya kepada dua bahagian di mana satu bahagian hanya tindakan dan bahagian yang satu lagi adalah bercakap sahaja. Beliau hanya bertujuan menegaskan tentang kefahaman penderitaan masyarakat kerana ia menjadi asas kepada tugas, aktiviti dan pemikiran. Oleh itu, Shariati percaya bahawa tugas yang paling utama ialah bercakap mengenainya secara saintifik dan mengenalinya. Semua penderitaan yang dialami oleh mereka yang cuba membuat perubahan dalam masyarakat di negara-negara Islam, membuktikan sama ada sia-sia atau perubahan yang sedikit. Ini adalah kerana semasa menjalankannya, mereka tidak mengetahui apa yang perlu dilakukan. Oleh itu, tugas yang pertama ialah mengenali agama dan fahaman kita.⁷

Adalah menjadi tanggungjawab manusia untuk mengetahui bahawa Islam adalah agama yang menitik beratkan kemanusiaan iaitu individu dan masyarakat. Oleh kerana bidang Shariati ialah sosiologi, beliau cuba mengumpul jenis sosiologi agama atas asas Islam menggunakan terminologi yang dirujuk dan diambil daripada al-Quran. Shariati cuba membawa masalah baru yang tidak pernah diimiginasikannya. Contohnya, hasil daripada kajiannya terhadap Islam dan al-Quran, beliau menemui cadangan saintifik bagi sejarah dan sosiologi yang digambarkan dari kebiasaan Nabi Muhammad s.a.w. Ramai

yang menggunakan sains moden untuk mengkaji polisi-polisi Nabi Muhammad s.a.w. atau sistem politik, sosial, psikologi dan sistem moral yang baginda s.a.w. laksanakan ke dalam masyarakat. Tetapi, beliau merujuk banyak masalah dalam sejarah dan sosiologi daripada al-Quran. Al-Quran dan Islam memberi beliau idea tentang tema baru yang berkaitan dengan sejarah, sosiologi dan sains kemanusiaan. Dengan bantuan al-Quran, beliau mendapati masalah penting dalam sains kemanusiaan yang tidak diberi perhatian oleh sains seperti penghijrahan. Hijrah merupakan prinsip falsafah dan sosial yang dalam. Dengan merujuk kepada sejarah, Shariati mendapati bahawa hijrah sangat penting. Menurutnya hijrah merupakan faktor yang mempengaruhi sejarah keseluruhannya. Beliau tidak merujuk hijrah kepada sejarah atau sosiologi sebaliknya melihat hijrah sepertimana yang digambarkan di dalam al-Quran. Semua tamadun dunia dari yang tertua iaitu Sumeria dan yang terbaru iaitu Amerika diasaskan melalui hijrah. Ini bermakna seseorang yang tertawan oleh lingkungan tempat tinggalnya, menjadi terpenjara, statik serta tidak boleh berkembang dan berubah . Hijrah iaitu putusnya keterikatan masyarakat terhadap tanahnya boleh mengubah pandangan manusia terhadap alam dan mengubahnya menjadi pandangan yang luas dan menyeluruh. Dengan demikian hijrah itu sendiri adalah gerakan dan loncatan besar manusia.⁸

Masalah utama dalam sejarah dan sosiologi khususnya sosiologi Islam ialah mencari sebab utama perubahan dalam sesebuah masyarakat. Apakah faktor utama yang menyebabkan masyarakat berubah atau bertukar atau tiba-tiba musnah atau mundur? Ini adalah masalah yang berterusan sejak beberapa abad yang lalu. Dalam kajian sosiologi

dan sejarah, persoalan yang selalu diutarakan ialah “ Apakah jentera sejarah dan faktor utama bagi perubahan masyarakat manusia?

Di sinilah sains dan sosiologi terpisah apabila setiap bidang menekankan satu aspek masalah. Sebahagian fahaman tidak percaya akan sejarah dan menganggap sejarah adalah himpunan peristiwa lepas. Mereka menganggapnya tidak berguna. Kumpulan ini tidak menerima mana-mana undang-undang atau fakta yang seragam dalam sosiologi. Mereka menganggap kebetulan sebagai faktor utama dan mengatakan perubahan dan revolusi yang berlaku dalam sesebuah bangsa semuanya berlaku secara kebetulan. Contohnya, Arab menyerang Iran dan Iran kalah merupakan satu kebetulan.⁹

Kumpulan yang lain pula iaitu golongan materialis percaya sepenuhnya kepada aspek sejarah. Mereka percaya sejarah dan masyarakat dari mula hingga sekarang adalah ibarat sebatang pokok yang bermula dengan biji benih yang tumbuh membesar di bumi dan mempunyai akar yang kuat lalu mengeluarkan batang dan daun. Ia berbuah pada musim bunga dan reput melalui proses evolusi. Kumpulan ini juga percaya sepanjang sejarah, masyarakat manusia hidup dan bertahan disebabkan undang-undang yang ditentukan yang wujud dalam masyarakat sepertimana undang-undang alam. Oleh itu, kepercayaan individu tidak mengganggu nasib atau takdir masyarakat. Masyarakat adalah fenomena semula jadi yang membesar hasil daripada hukum alam.¹⁰

Kumpulan yang ketiga pula percaya bahawa seseorang personaliti yang membentuk sejarah. Antara mereka ialah Carlyle dan Emerson. Mereka percaya bahawa

undang-undang dan manusia biasa hanyalah alat dan tidak memberi kesan terhadap masyarakat. Satu-satunya faktor yang merubah masyarakat, memperkembangkan atau menyebabkan kejatuhan masyarakat ialah personaliti yang hebat. Emerson mengatakan, “*Give me ten great personalities and I will tell you the history of humanity without reading a book. Introduce me to the Prophet of Islam so I can tell you the history of Islam. Introduce Napoleon to me and I will declare the history of modern Europe*” yang bermaksud, “Berikan aku sepuluh personaliti hebat dan aku akan menceritakan sejarah kemanusiaan kepada kamu tanpa merujuk sebarang buku. Perkenalkan aku kepada nabi orang Islam dan aku akan ceritakan kepada kamu sejarah Islam. Perkenalkan Napolean kepada aku dan aku akan mengisytiharkan sejarah Eropah moden”. Carlyle pula menulis dalam menerangkan Nabi Muhammad s.a.w bahawa baginda s.a.w. telah ditolak sewaktu kali pertama baginda mengajak kaum keluarganya kepada Islam. Ali yang baru berumur sepuluh tahun telah memberi jawapan yang positif kepada ajakan Muhammad s.a.w. Lalu Carlyle menyimpulkan tangan kecil tersebut iaitu tangan Ali yang digandingkan bersama tangan yang hebat iaitu Nabi s.a.w. telah mengubah sejarah.¹¹

Tiada satu fahaman pun yang percaya bahawa golongan massa merupakan faktor utama dalam perubahan masyarakat. Ahli sosiologi yang bersifat demokratik percaya bahawa cara terbaik untuk memerintah dan membentuk organisasi pentadbiran ialah di mana golongan awam boleh mengambil bahagian, mengundi dan memilih kerajaan tetapi tidak menganggapnya sebagai faktor utama dalam merubah masyarakat.¹²

Namun Islam dan al-Quran mempunyai pandangan yang berbeza. Sebagai pemimpin dalam Islam, personaliti yang paling hebat ialah Nabi Muhammad s.a.w. Jika Islam percaya dengan peranan pesonaliti hebat sebagai faktor asas perubahan masyarakat dan sejarah, ia akan menganggap Nabi Muhammad s.a.w. sebagai faktor perubahan. Tetapi dalam misi Nabi yang dijelaskan dalam al-Quran menyatakan bahawa baginda bertanggung-jawab menyampaikan mesej. Baginga juga pernah bersedih apabila tidak dapat memimpin masyarakat ke jalan yang baginda mahukan dan apabila masyarakat tidak mahu mendengar kata-katanya. Allah s.w.t. berulang-kali menjelaskan kepada baginda yang bermaksud “Misi kamu hanyalah untuk menyampaikan mesej. Engkau tidak perlu takut. Sampaikan berita kepada masyarakat dan tunjukkan jalan kepada mereka. Dan kamu tidak dipertanggung-jawabkan ke atas perkembangan mereka”. Nabi Muhammad s.a.w. seperti yang terdapat dalam al-Quran tidak dianggap sebagai faktor utama dalam perubahan sejarah, tetapi diperkenalkan sebagai pesuruh Allah s.a.w. yang harus menyampaikan fahaman dan kebenaran kepada manusia. Misinya berakhir di situ. Segalanya bergantung kepada manusia sama ada untuk memilih fahaman tersebut ataupun tidak. Tidak pernah wujud teori kebetulan dalam agama ini kerana semua perkara adalah dalam tangan Allah s.w.t.

Umumnya, manusia yang mempunyai fahaman agama menyatakan faktor yang utama dan efektif yang merubah masyarakat ialah fahaman agama. Berdasarkan ini, kita lihat dalam pelbagai bahagian al-Quran, manusia (An-Nas) telah disebutkan. Nabi Muhammad s.a.w. dihantar membawa misi kepada manusia. Baginda bercakap kepada manusia. Baginda disoal dan diselidik oleh manusia. Baginda mempromosikan Islam

kepada manusia. Manusia yang bertanggung-jawab terhadap masyarakat dan sejarah. Perkataan manusia adalah penting dan ianya hampir dengan maksud massa. Dalam sosiologi, massa bermaksud masyarakat manusia tanpa mengira perbezaan kelas atau kumpulan-kumpulan tertentu. Perkataan *insan* dan *bashar* juga merujuk kepada manusia cuma *insan* membawa maksud manusia yang bermoral manakala *bashar* termasuk manusia yang memiliki sifat kehaiwanan. Perkataan massa merujuk kepada manusia tanpa adanya perbezaan kelas. Di sini ditemui perkara baru bahawa Islam adalah fahaman pertama yang bersifat sosial yang mengambil kira manusia sebagai asas dan faktor utama dalam masyarakat dan sejarah manusia juga bertanggung-jawab ke atas pemisahan dalam sejarah dan masyarakat.

Perkara penting yang lain yang dirujuk oleh Ali Shariati daripada al-Quran ialah, setelah ditujukan kepada manusia, mereka bertanggung-jawab ke atas matlamat utama mereka dan dalam masa yang sama, mereka merupakan pasukan penting dalam membentuk nasib masyarakat di samping faktor-faktor lain seperti personaliti, kebetulan dan tradisi. Oleh itu, kita boleh katakan bahawa personaliti, tradisi, kebetulan dan massa adalah empat kuasa penting yang menyebabkan perubahan dalam masyarakat.¹³

Tradisi merujuk kepada Islam dan al-Quran. Masyarakat ibarat makhluk yang hidup yang mengikut undang-undang semula jadi yang tertentu. Oleh kerana itulah semua perubahan dibina atas tradisi tertentu. Dari sini, kelihatan bahawa pendekatan Islam bersifat deterministik dalam sejarah dan sosiologi tetapi sebenarnya Islam tidak berhenti di sini. Ia menekankan kedua-dua aspek iaitu masyarakat manusia dan individu yang

bertanggungjawab ke atas takdirnya. Sebagaimana ayat-ayat al-Quran (2:134) dan (13:11). Di dalam surah al-Baqarah, ayat 134 Allah s.w.t. telah berfirman yang bermaksud, “Itulah umat yang telah lalu, mereka memprolehi apa yang mereka usahakan, dan kamu memperoleh apa yang kamu usahakan, dan kamu tidak bertanggungjawab terhadap apa yang mereka perbuat”¹⁴. Firman Allah lagi bermaksud, “Manusia itu mempunyai pengiring (malaikat) yang mengikutnya, di hadapan dan di belakangnya, mereka menjaganya atas arahan Allah s.w.t. Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan suatu kaum, sebelum mereka merubah keadaan mereka sendiri. Dan bila Allah hendak mendarangkan bahaya kepada suatu kaum, tiadalah dapat ditolak dan mereka tidak mempunyai pelindung selain dari Tuhan.”¹⁵

Shariati memberikan perumpamaan seperti seorang petani yang bertanggung-jawab terhadap hasil yang baik daripada tanamannya. Dalam masa yang sama, kita tahu bahawa wujud undang-undang semula jadi yang tertentu terhadap perubahan tanamannya. Petani mempunyai tanggung jawab untuk memperbaiki hasil tanamannya kerana dia mempunyai ilmu terhadap kebiasaan tersebut. Oleh itu dia mempunyai lebih kebebasan dalam mengubah takdir tanamannya. Begitu jugalah dengan manusia yang mempunyai ilmu tentang undang-undang alam dan kebiasaan masyarakat. Mereka mempunyai tanggung-jawab dan kebebasan untuk merubah masyarakat. Agama Islam jika lihat dari perspektif sosiologi percaya bahawa perubahan dalam masyarakat tidak berlaku secara kebetulan kerana masyarakat ialah makhluk yang hidup, serta mempunyai sanitifik dan adat kebiasaan yang tidak boleh diubah. Manusia mempunyai kehendak di mana mereka boleh membina dan meramal takdir yang lebih baik terhadap masyarakat

mereka melalui penglibatan mereka dalam undang-undang dan adat kebiasaan masyarakat. Menurut al-Quran, adat tidak dapat diubah dan manusia bertanggungjawab terhadap diri dan masyarakat. Oleh itu, manusia bebas untuk bekerja tetapi dalam masa yang sama, dia wajib mematuhi undang-undang.

Personaliti dalam Islam tidak dianggap sebagai kuasa kreatif. Nabi-nabi juga tidak dianggap personaliti yang membawa adat kebiasaan yang baru ke dalam masyarakat. Dari perspektif sosiologi, kelebihan nabi-nabi daripada guru-guru yang lain ialah mereka lebih mengetahui dan memahami tentang ketuhanan. Oleh kerana itulah, mereka boleh menggunakan kebebasan sebagai manusia dan berjaya mencapai matlamat masyarakat mereka. Sejarah telah membuktikan nabi-nabi lebih berjaya daripada pendukung reformasi yang bukan membawa misi nabi. Pendukung reformasi menyampaikan slogan mereka dengan baik di dalam buku-buku mereka tetapi mereka tidak mengubah masyarakat. Namun, nabi-nabi adalah orang yang membina masyarakat dan sejarah, tetapi ini bukan kerana mereka membawa adat baru tentang ketuhanan sebaliknya mereka telah menyampaikan adat daripada Tuhan melalui kekuatan kenabian. Mereka mencapai matlamat dan misi dengan mematuhi adat ini melalui kekuatan kehendak mereka. Teori kebetulan tiada dalam Islam kerana Tuhan sebenar sentiasa masuk campur dalam semua hal secara langsung.¹⁶

Seperti yang kita ketahui ada empat faktor iaitu personaliti, kebetulan, adat kebiasaan dan golongan massa yang menentukan nasib sesebuah masyarakat, namun dalam perspektif Islam, faktor yang paling efektif ialah golongan massa dan adat kerana

massa mewakili jenis manusia dan adat merujuk kepada undang-undang saintifik dalam masyarakat. Nisbah peranan setiap faktor bergantung kepada sesebuah masyarakat. Di dalam sebuah masyarakat yang mempunyai golongan massa yang progresif serta dalam banyak perkara mereka telah mencapai peringkat tertinggi dalam disiplin dan kebudayaan, peranan personaliti berkurangan. Manakala di dalam masyarakat yang belum mencapai tamadun, peranan personaliti lebih efektif.

Semasa peringkat awal Islam, personaliti Nabi Muhammad memainkan peranan yang sangat penting dalam perubahan struktur dan tamadun serta sejarah kerana Nabi Muhammad s.a.w. muncul di kawasan geografi yang mana tamadunnya seperti kawasan geografinya. Ia adalah Semenanjung Arab yang dikelilingi oleh tiga laut tetapi kering tanpa air. Jiran-jirannya dari semua penjuru memiliki tamadun yang hebat. Di Utaranya, tamadun Greece dan Rom Timur, di Timurnya ada tamadun Iran, di Selatannya tamadun India, di Timur Lautnya tamadun Hebrew. Agama-agama Musa, Isa, Zoroaster serta tamadun Aryan dan Semetik merupakan jiran-jirannya tetapi oleh kerana keadaan geografi yang kering dan tiada air di semenanjung, menyebabkan tiada satu pun tamadun yang masuk ke dalamnya. Oleh itu, menurut ahli sosiologi, Nabi Muhammad merupakan faktor utama dalam perubahan masyarakatnya. Di sini ahli sejarah perlu mengaitkan gelombang hebat ini dan semua pemikiran serta perubahan dalam sejarah manusia iaitu Islam kepada seorang manusia bernama Muhammad s.a.w., anak kepada Abdullah bin Abdul Mutalib. Setelah mengkaji Semenanjung Arab yang mana tiada budaya dan tamadun, di samping itu golongan massa pula hidup dalam persekitaran yang susah, personaliti Muhammad s.a.w. memiliki keistimewaan dan pengecualian.

Secara umumnya, ada lima faktor yang membina manusia. Pertama, ibu yang membina struktur serta dimensi rohani manusia, menyuburkan semangat kemanusiaan serta perasaan anak dan sentuhan istimewanya memberikan pelajaran pertama kepada anak. Kedua, bapa yang membina dimensi lain ke dalam jiwa anak. Ketiga, sekolah yang membina bentu dan dimensi yang jelas kepada manusia. Keempat, persekitaran dan masyarakat di mana kesan persekitaran mempengaruhi perbezaan manusia yang tinggal di kampung dan bandar besar. Kelima, budaya umum sesebuah bangsa atau dunia.

Tetapi dalam kehidupan Nabi Muhammad s.a.w. iaitu faktor personaliti yang unggul dalam perubahan masyarakat dan sejarah, tiada satu pun daripada lima faktor sepermula yang telah disebutkan, telah mempengaruhi jiwanya. Sebenarnya ini telah dirancangkan supaya tiada bentuk dan disiplin yang diberikan kepadanya seperti yang biasa diberikan kepada manusia dalam zaman dan persekitarannya. Baginda telah dihantar untuk memusnahkan semua berhala dan jika baginda dibesarkan dalam persekitaran tersebut, baginda tidak akan berjaya melaksanakan misinya. Sebab itulah apabila baginda membuka matanya, baginda tidak dapat melihat bapanya sebaliknya tangan yang akan membawanya ke padang pasir yang jauh daripada sebarang bentuk dan acuan.¹⁷

3.3 Islamologi atau ideologi Islam sebagai asas tamadun Islam

Shariati telah menyampaikan bentuk geometri dalam aliran pemikiran dan ideologi Islam kerana menurutnya, jika kita mampu menyampaikan falsafah dan ideologi dalam bahasa matematik dan geometri, kita akan dapat mendapati bahawa kita menggunakan bahasa yang terbaik dalam menyampaikan sesuatu konsep di samping memiliki bukti bahawa idea intelektual adalah logik. Islamologi Sharaiti bertujuan pertamanya menunjukkan kemodenan, persamaan dan demokrasi adalah selari dengan Islam. Keduanya, mengenal pasti halangan-halangan untuk merealisasikan Islam yang unggul. Dan ketiganya ialah menjawab persoalan mengapa orang yang benar-benar percaya kepada konsep Tawhid bertanggung jawab menyelesaikan halangan-halangan tersebut.¹⁸ Konsep yang diterangkan oleh Shariati dalam bentuk geometri ada sebelas kesemuanya iaitu: Sarjana dan sarjana, Islam sebagai budaya lawan Islam sebagai ideologi, Idea aliran pemikiran, Infrastuktur dan suprastruktur sistem kepercayaan, Pandangan alam, Falsafah antropologi, Sosiologi, Falsafah sejarah, Ideologi Masyarakat ideal dan Insan ideal.

3.3.1 Sarjana dan sarjana

Shariati menerangkan perbezaan antara sarjana Islam sebenar dengan seorang yang hanya belajar Islam tetapi tidak memahaminya. Menurutnya, sebahagian sarjana Islam memahami Islam tetapi sebahagian sarjana Islam hanya mempelajari Islam. Namun

ada juga orang yang memahami Islam dengan baik tetapi tidak dianggap sarjana. Baginya, memahami aliran pemikiran khususnya aliran pemikiran Islam tidak sama dengan mendapatkan maklumat lengkap dan teknikal tentangnya. Kita harus ada perasaan tentang orientasi aliran tersebut untuk memahaminya secara kerseluruhan iaitu perasaan mendalamai agama atau ideologi untuk menemui roh dan makna yang tersembunyi dalamnya. Inilah yang dimaksudkan oleh Shariati dengan memahami Islam atau Islamologi iaitu bukan mengenalnya sebagai budaya. Shariati tidaklah menafikan bahawa aspek penting budaya Islam dan sains Islam merupakan sumber penting dalam tamadun Islam dan harus dipelajari. Cuma, dengan Islamologi, Shariati maksudkan memahami ideologi Islam bukan sekadar sains Islam seperti yang diajar di sekolah dan universiti.¹⁹ Sarjana Islam sebenar merupakan permulaan kepada pembentuk tamadun Islam.

3.3.2 Islam sebagai budaya lawan Islam sebagai ideologi

Sepanjang sejarah tamadun Islam, budaya dan sains Islam menjadi perkara kompleks yang terdiri daripada teologi, interpretasi, pemikiran sejarah dan lain-lain. Kesemua ini dicantumkan membentuk sains Islam dan setiap bidang mempunyai pengkhususan. Apa yang dipelajari oleh seseorang ialah mendapat maklumat teknikal dan menjadi pakar dalam sesuatu bidang.

Tetapi, seseorang harus memahami Islam dalam makna ideologi. Islam sebagai ideologi bukan pengkhususan saintifik tetapi perasaan seseorang terhadap aliran pemikiran sebagai sistem kepercayaan dan bukannya budaya. Ia adalah menerima Islam

sebagai idea bukan sebagai himpunan sains. Ia adalah memahami Islam sebagai insan serta gerakan sejarah dan intelektual, bukannya sebagai bilik stor kepada maklumat saintifik dan teknikal. Kesimpulannya, ia adalah pandangan Islam sebagai ideologi dalam pemikiran intelektual dan bukan sains agama dalam pemikiran sarjana Islam. Islamologi harus diajar mengikut cara ini.²⁰

3.3.3 Idea aliran pemikiran

Maksud aliran pemikiran menurut Shariati ialah himpunan harmoni konsep-konsep falsafah, kepercayaan agama, nilai etika dan metod praktikal yang mana melalui hubungan rasional, mencipta satu gerakan yang bermakna, bermatlamat dan bersatu di bawah satu badan yang hidup dan semua bahagian disuburkan oleh satu roh.

Seorang pakar mungkin memiliki atau tidak aliran pemikiran tetapi jika ia memilikinya seperti contoh seorang ahli fizik, kita boleh meneka apa pandangannya terhadap ekonomi atau isu kelas sebelum ia menyatakan apa yang difikirkannya. Oleh itu, dengan mengetahui satu dimensi pandangannya, kita boleh meneka dimensi lain dalam konsep intelektual atau intuisinya. Jika seseorang percaya kepada aliran pemikiran, kepercayaan, emosi, cara hidup, politik, pandangan sosial, intelektual, agama dan konsep etikanya tidak terpisah tetapi saling berkaitan. Mereka hidup dengan satu roh dan harmoni dalam satu bentuk. Oleh itu, aliran pemikiran bertindak seperti galaksi di mana semua sensitiviti, tingkah laku sosial, ciri-ciri etika, falsafah, agama, idea sosial

seseorang individu ibarat planet yang mengelilingi matahari. Ini adalah imej mental seseorang individu yang memiliki aliran pemikiran.

Semenjak Islam bertukar daripada “aliran ideologi” kepada “ilmu kebudayaan” dan “himpunan sains”, ia telah hilang kebolehan dan kekuatan untuk membina “gerakan”, “komitmen”, “tanggung-jawab” dan “kesedaran sosial” serta tidak lagi mampu mempengaruhi nasib masyarakat manusia.²¹

Menurut Morteza Mutahhari, jika seseorang dikaitkan dengan aliran pemikiran, maka ideologi, iman dan kedudukannya menjadi jelas.²²

3.3.4 Infrastruktur dan suprastruktur sistem kepercayaan

Menurut Shariati infrastruktur merujuk kepada asas sistem kepercayaan atau sikap yang dikembangkan daripada sistem kepercayaan yang mempunyai hubungan bersebab dengan suprastruktur. Suprastruktur pula ialah idea atau kesan yang dikembangkan daripada tiga rukun (makna, roh dan orientasi) yang membentuk ideologi dan berdasarkan infrastruktur sistem kepercayaan. Setiap aliran ideologi perlu ada infrastruktur atau sistem sokongan asas terhadap semua idea yang berkembang. Ia terdiri daripada “pandangan alam” di mana setiap aliran pemikiran tanpa terkecuali mempunyai satu orientasi sama ada bersifat ketuhanan, materilistik, naturalistik, idealistik, fasis, Marxis dan sebagainya.

Dengan wujudnya pemisahan ilmu tanpa pandangan alam yang tepat adalah seperti memiliki semua material yang diperlukan untuk membina bangunan tetapi kekurangan reka bentuk. Adalah lebih baik bagi individu kekurangan material daripada kekurangan reka bentuk. Di sinilah wujudnya perbezaan antara Abu Zar dan Ibn Sina, mujahid dan sarjana, intelektual dan ahli sains, individu yang sedar, bertanggung-jawab serta berorientasi dengan individu yang tidak beriman serta tidak ada petunjuk, antara idea dan sains, dan akhirnya antara ideologi dan budaya. Sains, sastera, penulisan, falsafah, industri, manusia, kehidupan, etika dan kewujudan akan menemui makna, roh dan orientasi apabila adanya keimanan dan sistem ideologi dalam aliran pemikiran.²³

3.3.5 Pandangan alam

Pandangan alam ialah satu kefahaman tentang seseorang itu “wujud”. Perbezaan antara Hafiz dan Omar Khayyam ialah pandangan alam mereka. Khayyam mengatakan yang bermaksud “oleh kerana tiada sesiapa yang kembali daripada alam lain membawa berita tentang alam tersebut (pandangan alamnya), jadi kita mesti menikmati alam ini (ideologinya). Hafiz pula mengatakan yang bermaksud “Oleh kerana nasib kita telah ditentukan sebelum ini (pandangan alamnya), jika ianya tidak mengikut kehendak kita, janganlah kita bersungut (ideologinya). Oleh itu, ideologi mengembangkan pandangan alam seseorang dan kedua ini mempunyai hubungan sebab dan akibat.

Seseorang yang mempunyai pandangan alam “agama”, percaya bahawa alam ini mempunyai Pencipta yang sedar dan berkehendak dan daripada perkiraanNya yang tepat,

seseorang itu akan dibalas dengan balasan sama ada baik atau jahat bergantung kepada perbuatannya sendiri. Ini menerangkan makna kehidupan, masyarakat, etika, keindahan, keburukan, kebenaran dan kepalsuan. Inilah ideologi “agama”.²⁴

3.3.6 Falsafah Antropologi

Ali Shariati tidak bercakap tentang antropologi sebagaimana yang telah diutarakan oleh Ibn Khaldun yang menggunakan disiplin antropologi dengan teori *cultural materialism* untuk menjelaskan fenomena perkembangan budaya dan masyarakat. Ibn Khaldun memberi contoh hubungan masyarakat Badawi dan masyarakat kota yang sedentari yang berasaskan kepada kerjasama yang bersifat materialistik untuk memenuhi keperluan biologi dan sosial. Dengan membuat andaian bahawa ekologi mempengaruhi kehidupan sosial dan membentuk watak masyarakat, Ibn Khaldun meluaskan andaian ini kepada perbandingan budaya badawi dan budaya masyarakat sedentari.²⁵ Beliau juga membincangkan konsep asabiyyah (*social solidarity*) dalam usahanya mengkaji teori kemasyarakatan dan kenegaraan. Konsep asabiyyah dianggap penting dalam melihat peningkatan nilai kemasyarakatan, pembentukan negara dan peranannya dalam pembentukan kesatuan ummah. Lanjutan daripada konsep asabiyyah dan hadarah, Ibn Khaldun memfokuskan pula kepada kajian sosiologi pembandaran.²⁶

Sebaliknya, Ali Shariati menekankan falsafah antropologi. Baginya falsafah antropologi adalah jenis ilmu yang lahir dalam aliran pemikiran tentang kemanusiaan yang bukan dalam aspek terminologi saintifik antropologi dan bukan juga makna umum

kemanusiaan. Di sini Shariati merujuk kepada nilai sebenar, misi dan makna di mana aliran pemikiran membincangkan kemanusiaan.

Menurut beliau, individu dikenali berdasarkan pandangan alamnya dan setiap aliran pemikiran mendefinisi “manusia” dengan cara yang berbeza. Ada aliran pemikiran yang memanggil manusia dengan nama “haiwan materialistik”. Ada yang memanggilnya dengan nama “haiwan ketuhanan”. Setiap aliran mendefinisi atau menerangkan manusia dengan sifat seperti pencipta yang ideal, rasional, haiwan ekonomi, penghasil barang, bebas, pembuat keputusan, kekurangan, ragu-ragu, prejedis, sama dengan Tuhan, semula jadi, sosial, pencipta budaya, bertamadun, sedar dan lain-lain. Apabila aliran pemikiran bercakap tentang manusia dari sudut falsafah dan ideologi, ia bukanlah makhluk seperti yang diterangkan atau dibincangkan dalam sains, fisiologi, psikologi, biologi, teologi, antropologi, sosiologi, morpologi dan lain-lain. Maksudnya, kebenaran ideologi, aliran pemikiran dan sikap ideologi seseorang tidak wujud dalam cara saintifik yang tegas.²⁷

3.3.7 Sosiologi

Dalam aliran pemikiran, sosiologi bersifat harmoni dengan kecenderungan, ideal dan pandangan khusus sesebuah aliran. Bergantung pada ini, ia menghukum, mengkritik dan menilai. Sosiologi abad ke 19 telah menyingkirkan semua komitmen serta penentuan baik dan buruk tetapi hanya mempertimbangkan realiti. Ini disebabkan pendapat bahawa mempunyai komitmen, ideologi atau matlamat akan merosakkan sains serta menghadkan rangka yang telah ditentukan oleh sesuatu ideologi atau kepercayaan kerana ia akan

menuju ke matlamat kepercayaan tersebut. Dengan itu sains yang sepatutnya mencari kebenaran yang objektif akan diwajibkan mencari keputusan yang ditentukan iaitu menyetujui sistem kepercayaan.

Semasa zaman gelap, sains dan kajian diwajibkan hanya untuk membuktikan kebenaran agama. Namun, semasa abad ke 19, sains sosial khususnya menentang keras ahli sains yang mempunyai sistem kepercayaan dan idea yang ditentukan dari pelbagai ideologi. Sains telah dibebaskan daripada berkhidmat kepada agama. Dengan nama “objektif”, sains telah dipisahkan daripada masyarakat dan telah hilang sentuhan pemikiran manusia. Sains tidak boleh mengkritik situasi semasa dan tidak lagi membantu menyelesaikan masalah kehidupan. Seperti mana kita lihat, sains tulen telah dibebaskan daripada komitmen mencari kebenaran alam atau membuktikan atau menafikan Tuhan, tetapi semuanya bertujuan untuk menjadi hamba kepada kapitalisme. Sosiologi dan sejarah berkembang dari sini. Sosiologi tidak lagi diganggu oleh kepercayaan sebagaimana di zaman pertengahan dan ideologi zaman sekarang.²⁸

Menurut Morteza Mutahhari, sejarah Tamadun Islam dibahagikan kepada dua zaman iaitu pertamanya, zaman kegemilangan yang disebut sebagai era sains dan iman. Keduanya, zaman kejatuhan di mana sains dan iman runtuh. Menurutnya, sains memberi kita kekuasaan dan kesedaran, manakala iman memberi kasih sayang dan harapan. Sains mencipta teknologi dan iman mencipta matlamat atau tujuan. Sains menyediakan kita tenaga dan iman memberi kita arah tujuan. Sains adalah kebolehan dan iman adalah niat baik. Sains menunjukkan “apakah dia”, manakala iman menyatakan “apa yang perlu

dibuat". Sains adalah revolusi luaran dan iman adalah revolusi dalaman. Kedua-dua sains dan iman memberi kekuasaan kepada manusia. Keduanya adalah indah di mana sains merupakan keindahan intelek, manakala iman merupakan keindahan rohani. Manusia memerlukan kedua-duanya. Sejarah dahulu dan sekarang membuktikan bahawa pemisahan iman dan sains hanya membawa kesan buruk.²⁹

Walau bagaimanapun, Shariati menerima hujah bahawa pra-pengadilan dan ideologi dogmatik melemahkan kajian saintifik di mana ahli sains yang percaya kepada sesuatu kebenaran sebelum mengkajinya, tidak boleh menjadi ahli sains yang baik kerana kajian bermaksud meneroka, menganalisa, menjelaskan dan menyukat masalah untuk mencari kebenaran. Tradisi Islam yang menyatakan bahawa sesiapa yang mentafsir al-Quran dengan pendapatnya sendiri akan dibakar dalam api neraka menjelaskan prinsip sains tersebut. Shariati menjelaskan bahawa, "pendapat" yang dimaksudkan di sini sama seperti pra-pengadilan, di mana sama ada sedar ataupun tidak, telah membuatkan ahli sains menukar makna al-Quran supaya bersetuju dengan pendapat awalnya, bukannya mentafsirkan makna al-Quran tersebut. Dengan sebab ini kita lihat Sunni, Syiah, Sufi, ahli falsafah, dan sebagainya, setelah mengkaji al-Quran, mereka mendapat keputusan yang sama sepertimana sebelum mengkajinya. Al-Quran telah menjadi alat untuk menyokong ideanya bukan untuk mendapatkan idea daripada al-Quran. Adalah satu perkara yang melucukan dan tragis apabila seseorang mentafsirkan perkataan "pendapat" sebagai "intelek", dengan menyimpulkan bahawa tiada sesiapa yang mempunyai hak untuk mentafsirkan al-Quran dengan inteleknya seolah-olah ada sesuatu yang lebih daripada intelek untuk seseorang memahami al-Quran. Mereka memang bertujuan

melakukan begini supaya manusia tidak akan memahami al-Quran. Perkara yang sama berlaku semasa zaman pertengahan di mana pembacaan dan pemahaman kitab bible hanyalah di kalangan paderi sahaja. Mereka menghalang terjemahan, penafsiran dan pengedaran Bible supaya manusia tidak merujuk kepadanya. Kes ini juga berlaku kepada al-Quran, dengan menghalang manusia daripada mengkaji al-Quran dan memikir tentangnya, sarjana agama membukukannya dan hanya bentuk itu yang kekal pada manusia. Roh, tujuan dan matlamatnya kekal tidak diketahui.

Di sini ada dua teori asas. Pertama, sains yang berkhidmat kepada sistem kepercayaan menjadikannya alat untuk menyokong kepercayaan tersebut. Kedua, sains yang bebas daripada sistem kepercayaan sebaliknya semata-mata untuk sains sahaja menjadikannya tidak efektif dan tidak bernilai. Oleh itu, Shariati mencadangkan cara yang ketiga iaitu ahli sains sebelum mengambil apa-apa keputusan mestilah bebas daripada kepercayaan tertentu atau pengertian yang ditentukan supaya keputusan kajian (bukannya keputusan pengkaji), menunjukkan kebenaran kepada mereka. Lalu, kebenaran yang telah dibuktikan ini harus menjadi kepercayaan pengkaji. Selepas mencapai keputusan atau menyedari kebenaran, mereka perlu terikat dengannya dan menyedari tanngung-jawab mereka kepada masyarakat. Dengan cara ini, kita tidak menghambakan atau memperalatkan sains, tidak terikat dengan idea yang telah difikirkan dan juga tidak menghalang sains daripada menunaikan fungsinya untuk memberi panduan dan menunjukkan jalan selamat kepada manusia. Ahli sosiologi, sejarawan dan ahli antropologi tidak harus membenarkan ilmu mereka digunakan untuk membuktikan atau mempastikan anggapan mereka. Mereka tidak boleh menggunakan sains sebagai alat

untuk mencapai tujuan mereka dan tidak boleh berhenti setakat dengan ilmu tersebut sebaliknya memandu manusia ke arah kebenaran. Mereka harus mengenal pasti kemunduran masyarakat secara umum dan melalui kajian objektif mereka harus menunjuk jalan untuk bergerak dan bertindak menyelamat.³⁰

3.3.8 Falsafah Sejarah

Falsafah sejarah tidak percaya bahawa sejarah adalah peristiwa lepas yang terpisah-pisah, peristiwa yang dicipta oleh manusia, kekuasaan, pemimpin ketenteraan, wira-wira dan penjajahan. Ia tidak melihat sejarah seperti material yang distorkan dan penulis memilih mengikut keperluan serta cita-rasa mereka. Sejarah adalah berterusan dan merupakan satu proses yang bergerak dan berkembang daripada bermulanya kehidupan manusia bergantung kepada undang-undang saintifik sebab dan akibat. Ia melalui peringkat yang berbeza, boleh dijangkakan dan mencapai matlamat yang telah yang telah ditentukan oleh hukum tertentu.

Kronologi sejarah bersifat saintifik. Jika kita berada di pertengahan kronologi tersebut, kita akan menemui hukum sejarah dengan tepat, kita boleh menjangkakan takdir sesebuah masyarakat 300 tahun dari sekarang. Ia seperti bidang meteorologi di mana mengetahui hukum atmosfera iaitu hukum logik sebab dan akibat, seseorang boleh meramal dengan tepat perubahan cuaca, naik-turunnya suhu, kemungkinan hujan, awan, kilat-petir dan tiupan udara. Kemanusiaan sepanjang zaman bukan secara kebetulan dan bukan dibuat oleh sesiapa. Pergerakan ini berlaku berdasarkan hukum saintifik

masyarakat yang dipanggil “sejarah”. Oleh itu, sejarah adalah sesuatu yang berterusan, mempunyai kronologi yang ditetapkan dan bergerak mengikut hukum tertentu yang tegas. Inilah yang dipercayai oleh falsafah sejarah.

Kalim Siddiqi³¹ secara tidak langsung menyokong idea Shariati dengan mengatakan revolusi intelektual adalah suatu proses ulangkaji dan berbentuk pemahaman sejarah dan kuasa-kuasa sejarah yang memberi kesan kepada bangsa dan masyarakat seluruhnya. Sejarah memberi sumbangan ketara ke arah pembetulan kesilapan lalu dan meletakkan kita di atas satu laluan yang membawa kepada tindakan pembetulan sepenuhnya atau hampir sepenuhnya.³² Menurut beliau lagi, pengulangan itu penting bagi seorang intelektual. Beliau memberi contoh Nabi Muhammad s.a.w. mengulang dakwah yang sama untuk membentuk tamadun Islam. Sirah Rasulullah tersebut perlu diulang. Beliau memberi contoh yang lain dengan menyatakan seorang mekanik akan berkembang dan menjadi profesional setelah melakukan kerja yang sama selama beberapa tahun. Namun hari ini, umat Islam semakin meninggalkan apa sepatutnya diulangi untuk meneguhkan tamadun mereka.³³

Seterusnya, Shariati mempersoalkan bagaimana sejarah bergerak? Berdasarkan hukum saintifik apa? Bagaimana ia boleh diramal? Petunjuk mana yang diikuti? Setiap aliran pemikiran menjawab persoalan-persoalan ini berdasarkan pandangan mereka sendiri. Dalam sains sejarah, Shariati mereka bentuk ia dalam aliran ideologi sebagai falsafah sejarah dan bukannya seperti sains yang terbukti, pasti dan tidak berubah. Ideologi termasuk kepercayaan dan pengetahuan tentangnya. Ia menjelaskan bagaimana

seseorang mesti hidup, apa yang harus dilakukan, jenis masyarakat apa yang perlu dibentuk, bagaimana sistem sosial yang ideal dicipta, apa tanggung jawab dan komitmen seseorang individu terhadap masyarakat, apa jenis konflik, hubungan, idea, keperluan, kepercayaan, nilai positif dan negatif, tingkah-laku kolektif, ukuran baik dan jahat serta identiti individu dan masyarakat yang harus dikukuhkan.³⁴

Akhirnya, Shariati melihat sejarah berkembang dari proses dialektik iaitu pertentangan antara dua pihak dan pertentangan ini berpunca dari peristiwa Habil dibunuh oleh Qabil.³⁵

3.3.9 Ideologi

Ideologi termasuklah kepercayaan dan pengetahuan mengenainya. Ia merupakan sistem kepercayaan yang mentafsirkan sosial , rasional, orientasi kelas kehidupan manusia, sistem nilai, peraturan sosial, bentuk kehidupan, individu yang ideal, situasi sosial dan kehidupan manusia dalam pelbagai dimensi.³⁶ Ideologi yang jelas boleh membantu ke arah pembentukan tamadun yang unggul.

Shariati menegaskan bahawa ideologi atau pandangan hidupnya ialah Tawhid iaitu kita memandang seluruh alam semesta sebagai satu kesatuan. Syirik pula adalah suatu pandangan hidup yang melihat alam semesta sebagai satu kumpulan yang kacau, penuh dengan kepelbagaian, perbezaan dan pertentangan. Tawhid memandang dunia ini sebagai suatu empayar, sedangkan syirik memandangnya sebagai suatu sisten feudal.

Beliau menganggap dunia adalah suatu kehidupan yang memiliki kehendak, kesedaran diri, daya tanggap, cita-cita serta tujuan. Hubungan antara manusia dan Tuhan, antara manusia dan alam serta antara alam dan Tuhan bagaikan antara hubungan antara cahaya dan pelita yang memancarkannya iaitu tidak dapat dipisahkan.³⁷

Menututnya lagi, dalam pandangan hidup Tawhid ini, setiap sesuatu terbahagi kepada dua aspek yang nisbi, yang ghaib dan yang zahir. Ini bukanlah dualisme, melainkan suatu pengelasan nisbi, menurut keadaan manusia dan daya kognitifnya. Dalam pandang hidup Tawhid, alam terdiri atas serangkai tanda (ayat) dan norma (sunan). Penggunaan kata “tanda” (ayat) menunjukkan suatu gejala alam mengandungi pemahaman yang dalam. Akibat dari pandangan Tawhid ialah penolakan pergantungan manusia kepada manusia serta kekuatan sosial yang lain, kepada kesedaran dan kehendak Yang Maha Kuasa. Manusia hanya takut kepada satu kekuatan dan hanya merasa bertanggung jawab kepada satu hakim. Ia menghadapi ke arah satu kiblat serta menunjukkan harapan dan hasratnya kepada satu sumber. Tawhid memberkati manusia dengan kebebasan dan kemuliaan. Menyerah semata-mata kepadaNya merupakan norma teragung dari segala-galanya.³⁸

Menurut Morteza Mutahhari pula, Islam merupakan ideologi yang sejagat dan realistik. Dalam Islam, semua aspek keperluan manusia diambil perhatian dan keseluruhan ajaran Islam terdiri daripada tiga aspek iaitu prinsip keimanan, prinsip moral dan perintah Allah s.w.t. Prinsip iman dalam Islam Syiah ada lima perkara iaitu monotheisme, keadilan, kenabian, imam dan kebangkitan semula.³⁹

3.3.10 Masyarakat yang ideal (Utopia)

Menurut Ali Shariati, Utopia bermaksud masyarakat yang ideal. Semua falsafah, agama dan manusia mempunyai utopia yang berbeza dalam minda mereka. Contohnya, syurga adalah utopia atau masyarakat ideal dalam minda orang yang beragama dan utopia bagi Plato ialah bandar ideal untuk golongan intelektual dan aristokrat Greek pada zamannya. Ini menunjukkan keinginan untuk memiliki bentuk masyarakat yang baik wujud secara semula jadi dalam setiap manusia dan masyarakat. Di dalam aliran pemikiran, masyarakat yang bertaraf tinggi bukanlah satu imaginasi tetapi masyarakat ideal dibentuk daripada ideologi aliran pemikiran tersebut. Kewujudan imaginasi ini membuktikan manusia sentiasa bergerak daripada “situasi sekarang” ke arah “situasi yang diinginkan” sama ada ia merupakan imaginasi, saintifik, utopia Plato ataupun masyarakat tanpa kelas Marx. Masyarakat yang diingini dalam aliran pemikiran adalah saintifik dan objektif yang mana ianya harmoni dengan semangat dan orientasi aliran pemikiran, berpandukan pandangan alamnya dan selari dengan matlamat serta falsafah kehidupan aliran pemikiran tersebut.⁴⁰

Sayid Qutb juga telah mengulas mengenai masyarakat Islam yang ideal. Menurut beliau, masyarakat Islam dengan sistemnya yang khas sebenarnya adalah satu masyarakat yang tercipta oleh Shari'at yang khas iaitu ciptaan Allah sendiri. Shari'at ini tumbuh dengan sempurna semenjak ia diciptakan, tanpa melalui proses evolusi sejarah. Shari'at inilah yang menciptakan masyarakat Islam, dibangunkan di atas landasan-landasan yang

dikehendaki Allah untuk hamba-hambaNya, bukan menurut konsep yang ditetapkan atas kemahuan segolongan manusia terhadap sejumlah manusia yang selebihnya. Dan di bawah naungan Shari'at ini, lengkaplah pertumbuhan jemaah yang bercorak Islam. Bersama-sama dengan itu, terciptalah hubungan kerja dan produksi, hukum dan kaedah moral berkaitan individu dan masyarakat, budi pekerti dan undang-undang pergaulan, bahkan mencakup segenap kehidupan sosial serta menggariskan jalan untuk tumbuh dan berkembang.⁴¹

3.3.11 Insan yang ideal (*ideal prototype*)

Bagi Shariati, model manusia ialah model yang memberi panduan dan menggerakkan kita. Model ini boleh digunakan sebagai ukuran dalam kehidupan, etika, melatih dan mengajar manusia. Adalah sukar untuk mendisplinkan manusia tanpa mengenali dan memiliki “manusia ideal” di kalangan bangsa manusia. Displin bermaksud “menjadi manusia” dan membawanya hampir kepada “insan kamil”. Insan kamil mestilah jelas dan diketahui jenis manusia yang bagaimana.

Sistem nilai manusia ditentukan oleh “insan kamil” yang ada dalam minda kita yang kita percaya sebagai model manusia. Matlamat dan usaha utama latihan dan pengajaran ialah untuk menjadikan manusia berkembang hampir sama dengan model generasi demi generasi. Oleh itu, setiap aliran pemikiran mesti mempersesembahkan imej ideal “insan kamil”, jika tidak semua usaha mereka sia-sia dan gerakan mereka tidak bermatlamat. Insan kamil merupakan kuasa yang menarik yang mengidentitikan orientasi

gerakan tetapi tidak mengidentitikan bentuk yang tepat dan tidak boleh diubah. Piawai yang tidak boleh diubah meletakkan manusia dalam bentuk dan dimensi yang ditentukan sebelum dibina. Shariati tidak percaya akan acuan yang tidak boleh diubah atau prapembinaan. Beliau percaya orientasi mesti dipilih bukan dalam “bentuk yang wujud” dan “wujud tanpa bentuk” tetapi evolusi yang kekal, gerakan dan migrasi yang kekal, bukan untuk sampai tetapi mengikut panduan.⁴²

3.4 Slogan asas dalam tamadun Islam di Iran

Shariati melaungkan slogan Syiah yang ditemui dalam harapan golongan massa yang tertindas dan menentang golongan pemerintah untuk membentuk tamadun Islam di Iran. Isi kandungan slogan tersebut ialah;⁴³

1. Cari kepimpinan Ali bin Abi Talib dan lari daripada kepimpinan yang zalim.
2. Pilih kepimpinan imam dan buang golongan pemerintah khalifah.
3. Pilih keadilan serta buang sistem paradoks dan diskriminasi pemilikan.
4. Pilih prinsip menunggu (awaiting); yang dimaksudkan dengan menunggu di sini ialah menunggu kemunculan Imam Mahdi.
5. Pilih kepimpinan ulamak (marjaie) untuk memusatkan gerakan.
6. Ikut atau taqlid bagi membina kekuatan, arahan, disiplin dan arah tujuan.
7. Pilih naib imam supaya dipimpin oleh pemimpin yang bertanggungjawab.
8. Beri sumbangan kewangan dalam perjuangan sosio-politik serta asas pendidikan dan pengajaran.
9. Pilih pakaian berkabung bagi meneruskan sejarah perjuangan Syiah dalam menentang rampasan kuasa, ketidak-jujuran atau ketidak setiaan, kezaliman serta

penipuan, pembohongan, kemunduran dan yang paling penting ialah menghidupkan memori kesyahidan.

10. Memperingati A'shura bagi menghina golongan pemerintah yang menggelarkan diri mereka pewaris tradisi Nabi Muhammad s.a.w., ingatan ini akan membuktikan bahawa mereka adalah pewaris pembunuhan keluarga Nabi s.a.w.
11. Penyembunyian (taqiyyeh); yang dimaksudkan dengan penyembunyian di sini ialah tidak mendedahkan identiti sebenar mereka dalam organisasi, aktiviti-aktiviti, hubungan, kuasa, personaliti dan plan bagi menjaga dan melindungi kuasa, individu-individu dan kumpulan tertentu daripada diceroboh atau dimusnahkan oleh pihak pemerintah.

Menurut Morteza Mutahhari,⁴⁴ menyayangi Ahl al-Bayt merupakan salah satu bentuk wala. Ini berdasarkan surah Al-Shura, ayat 23⁴⁵ yang bermaksud, “Itulah berita gembira yang disampaikan Allah kepada hamba-hambanya yang beriman dan mengerjakan perbuatan baik. Katakan: Untuk itu, aku tiada meminta upah (bayaran) kepada kamu, hanya yang ku minta kasih sayang pada keluarga”. Bagi Morteza Mutahhari, “Keluarga” di sini adalah keluarga Nabi Muhammad s.a.w. Menurut beliau lagi, wala kepada imam adalah autoriti agama di mana umat Islam perlu mengambil imam sebagai model dan ikut serta patuh pada arahannya. Wala kepada imam merupakan hak kepimpinan sosial dan politik Dengan merujuk kepada al-Quran dan kehidupan Rasulullah s.a.w, beliau menjelaskan wala kepimpinan ini. Pertama, ia mestilah imam dan pemimpin agama. Apa yang disampaikan bersifat autoritatif sebagaimana firman Allah s.w.t. dalam surah al Hashr:⁴⁶ yang bermaksud, “Apa yang diberikan oleh Rasul

kepada kamu, hendaklah kamu terima, dan apa yang dilarang, hendaklah kamu hentikan. Dan patuhlah kepada Allah, sesungguhnya Allah itu amat keras hukumanNya". Kedua, apa sahaja keputusannya yang melibatkan pertikaian dalaman dan sebarang dakwaan dianggap sah dan muktamad sebagaimana firman Allah s.w.t. dalam surah al Nisa: 65⁴⁷ yang bermaksud, "Demi Tuhanmu, mereka belum sebenarnya beriman, sebelum mereka meminta keputusan kepada engkau dalam perkara-perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak menaruh keberatan dalam hatinya terhadap keputusan yang engkau adakan dan mereka menerima dengan senang hati. Ketiga, Baginda s.a.w. menganjurkan ketaatan sosial dan politik. Selain daripada berdakwah dan menerangkan hukum-hukum Allah di kalangan Muslim, baginda menguruskan hal ehwal sosial dan politik. Baginda adalah wali 'amr kepada Muslim sebagaimana firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Ahzab:6⁴⁸ yang bermaksud, "Nabi itu lebih dekat kepada orang-orang yang beriman dari diri mereka sendiri dan isteri Nabi adalah ibu mereka."

Menurut Shariati, sepanjang beberapa abad dalam sejarah, gerakan Syiah melancarkan gerakan revolusi yang menentang semua golongan aristokrat dan regim termasuklah Umayyah, Abbasiyah, kerajaan Ghaznalid, Seljuk, Mongol, Timurid dan Khanid II. Sebagai parti revolusi, Syiah mempunyai organisasi yang baik lagi teratur serta ideologi yang jelas dengan slogan dan disiplin yang memperkemaskan organisasinya. Gerakan ini memimpin golongan massa yang tertindas bagi memperjuangkan kebebasan dan keadilan. Sumber penggerak dalam aliran ini adalah berdasarkan kepada dua prinsip iaitu kepimpinan imam dan keadilan.⁴⁹

Namun, apa yang berlaku pada zaman Shariati, akibat daripada kemodenan Barat umat Islam Iran telah semakin lemah dan sedikit sebanyak lupa akan slogan ini. Syiah merah iaitu lambang darah dan kesyahidan telah bertukar kepada Syiah hitam iaitu Syiah yang sekadar memakai pakaian berkabung.

NOTA HUJUNG

- ¹ Ali Shariati, *An Approach To The Understanding Of Islam*, Part 1 (The First Night's Lecture),
<http://www.shariati.com/lesson1.html>, hlm 1-2.
- ² *Ibid.*, hlm 2.
- ³ *Ibid.*, hlm 3.
- ⁴ Ali Shariati, *On The Sociology Of Islam*, Translated from the Persian by Hamid Algar, Mizan, Press, Berkeley, USA, 1979, hlm 54.
- ⁵ Ali Shariati, *An Approach To The Understanding Of Islam*, Part 2 , (The Second Night's Lecture),
<http://www.shariati.com/lesson2.html>, hlm 1.
- ⁶ Ali Shariati, *On The Sociology Of Islam*, *op.cit.*, hlm 41.
- ⁷ *Op.cit.*
- ⁸ Ali Syari'ati, *Rasulullah s.a.w. Sejak Hijrah Hingga Wafat: Tinjauan Kritis Sejarah Nabi Periode Madinah*, Diterjemahkan dari buku aslinya: Muhammad s.a.w. Khatim An-Nabiyin Min Al-Hijrah Hatta Al-Wafat oleh Afif Muhammad dan disunting oleh Achmad Hadi, Pustaka Hidayah Bandung, Cetakan Ketiga 1996, hlm 13-15
- ⁹ Ali Shariati, *On The Sociology Of Islam*, *op.cit.*, hlm 15.
- ¹⁰ *Ibid.*, hlm 15-16.
- ¹¹ *Ibid.*, hlm 16.
- ¹² *Ibid.*, hlm 17.
- ¹³ *Ibid.*, hlm 5-6.
- ¹⁴ Hj. Zainuddin Hamidy Fachruddin Hs, *Tafsir Quran*, Klang Book Centre, 1997, hlm 28.
- ¹⁵ *Ibid.*, hlm 848.
- ¹⁶ Ali Shariati, *On The Sociology Of Islam*, *op.cit.*, hlm 48-49.
- ¹⁷ Ali Shariati, *An Approach To The Understanding of Islam*, translated by Venus Kaivantash, The Shariati Foundation and the Hamdami Publishers, Tehran, 1979, hlm 8-10.
- ¹⁸ Ali Rahnema, *Pioneers of Islamic Revival*, S. Abdul Majeed & Co, Kuala Lumpur, 1995, hlm 227-233
- ¹⁹ Ali Shariati, *Islamology: The Basic Design For A School Of Thought And Action*, Part 1,
<http://www.shariati.com/islamgy1.html>, hlm 2-6.
- ²⁰ *Ibid.*, hlm 6-7.
- ²¹ *Ibid.*, hlm 7-15.
- ²² Morteza Mutahhari, *Man and Faith*, translated by Amir Forough Abri and Mohammad Reza Talebinejad, Iran University Press, Iran, 1982, hlm 51.
- ²³ Ali Shariati, *Islamology: The Basic Design For A School Of Thought And Action*, Part 2, *op.cit.*, hlm 10-11
- ²⁴ *Ibid.*, hlm 12-13.
- ²⁵ Honigman John J, *The Development of Anthropological Ideas*, Illinois, Dorsey Press, 1926, hlm 49.
- ²⁶ Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, terjemahan DBP, Kuala Lumpur, 1993, hlm 424-444.
- ²⁷ Ali Shariati, *Islamology: The Basic Design For A School Of Thought And Action*, Part 2, *op.cit.*, hlm, 13-15.
- ²⁸ Ali Shariati, *Islamology: The Basic Design For A School Of Thought And Action*, Part 3,
<http://www.shariati.com/islamgy2.html>, hlm 1-10.
- ²⁹ Morteza Mutahhari, *Man and Faith*, *op.cit.*, hlm 17-19.
- ³⁰ *Op.cit.*
- ³¹ Seorang tokoh Islam kontemporeri yang meninggal dunia pada 1996 dan menulis buku "The Stages of Islamic Revolution"
- ³² Kalim Siddiqui, *Ke Arah Revolusi Islam*, terjemahan Hanapi Dollah, Islamic Book Trust, Kuala Lumpur, 1998, hlm 11.
- ³³ *Ibid.*
- ³⁴ Ali Shariati, *Islamology: The Basic Design For A School Of Thought And Action*, Part 4,
<http://www.shariati.com/islamgy2.html>, hlm 10-13.
- ³⁵ Ahmad Shabery Cheek, *Warisan Shariati*, Ikraq Kuala Lumpur, 1987, hlm 48.
- ³⁶ *Op.cit.*, hlm 14-15.
- ³⁷ *Op.cit.*, hlm 41-44
- ³⁸ *Ibid.*

-
- ³⁹ Morteza Mutahhari, *Man and Faith*, op.cit., hlm 51-52.
- ⁴⁰ Ali Shariati, *Islamology: The Basic Design For A School Of Thought And Action*, Part 4, op.cit., hlm 15-21.
- ⁴¹ Sayid Qutb, *Masyarakat Islam*, terjemahan oleh H.A. Mu'thi Nurdin S.H., Yayasan At-Taufiq – PT Al-Ma'arif, Bandung, 1978, hlm 47-48.
- ⁴² *Op.cit.*, hlm 17-22.
- ⁴³ Ali Shariati, *Red Shi'ism*, translated by Habib Shirazi, The Shariati Foundation and the Hamdami Publishers, Tehran, 1979, hlm 13-15.
- ⁴⁴ Morteza Mutahhari, *Master and Mastership*, op.cit., hlm 21-37.
- ⁴⁵ Hj. Zainuddin Hamidy Fachruddin Hs, *Tafsir Quran*, Klang Book Centre, 1997, hlm 711.
- ⁴⁶ *Ibid.*, hlm 814.
- ⁴⁷ *Ibid.*, hlm 123.
- ⁴⁸ *Ibid.*, hlm 607.
- ⁴⁹ Morteza Mutahhari, *Master and Mastership*, op.cit., hlm 15-17.